

16/01/1998

IKS perlu pakar atasi Millennium Bug

KUALA LUMPUR, Khamis - Industri Kecil dan Sederhana (IKS) perlu segera mendapatkan khidmat tenaga pakar yang mempunyai kemahiran dalam menyelesaikan masalah 'Millennium Bug', kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri bimbang, jika syarikat-syarikat IKS masih lagi tidak mengambil inisiatif mengenai perkara itu, mereka akan menghadapi masalah kerosakan sistem perkomputeran lebih serius selepas tahun 2000.

Y2K atau dikenali sebagai Millenium Bug ialah masalah perisian tahun 2000 yang merujuk kepada ketidakmampuan kebanyakan sistem komputer untuk membaca data dengan betul dalam alaf baru.

Ia merujuk penggunaan dua digit untuk mewakili tarikh dalam memori perisian seperti 98 merujuk kepada 1998. Ini bermakna menjelang 2000, komputer akan menganggapnya sebagai 1900 menyebabkan semua transaksi selepas tahun 2000 nanti menjadi kacau bilau.

Sehubungan itu, Dr Mahathir menasihatkan syarikat berkenaan supaya menemui syarikat yang mempunyai kepakaran dalam Y2K bagi mengatasi masalah yang akan timbul selepas tahun 2000 nanti.

"Kita mempunyai dua tahun lagi dan jika mereka tidak mengambil langkah sewajarnya, sudah pasti mereka menghadapi masalah yang sangat serius," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat keenam Majlis Teknologi Maklumat Negara di sini hari ini.

Mesyuarat hampir empat jam itu yang dihadiri Setiausaha Tetap NITC, Datuk Tengku Mohd Azzman Shariffadeen dan Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, Tan Sri Omar Abdul Rahman serta beberapa pengurus kanan Mimos Bhd itu turut membincangkan laporan mengenai masalah Y2K.

Y2K dijangka menyebabkan kerugian berbilion ringgit jika tidak diatasi segera, khususnya terhadap sektor perniagaan dan urusan kerajaan, yang kini semakin bergantung kepada komputer.

(END)